Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2022, Volume 7, Issue 12, e002019
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i12.2019

Penyertaan Politik dalam kalangan Belia dengan Menggunakan Media Sosial

(Political Participation Among Youth Using Social Media)

Noor Shazalina Binti Md Razali[1], Rosyidah binti Muhamad[2*]

[1]Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu, 21030, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.
Email: nrshazalina@gmail.com
[2]Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu, 21030, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.
Email: rosyidah@umt.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Rosyidah binti Muhamad
(rosyidah@umt.edu.my)

KATA KUNCI:
Media Sosial
Internet
Politik
Belia

KEYWORDS:
Social Media
Internet
Politics
Youth

CITATION:
Noor Shazalina Md Razali & Rosyidah Muhamad. (2022). Penyertaan Politik dalam kalangan Belia dengan Menggunakan Media Sosial. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 7*(12), e002019. https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i12.2019

ABSTRAK

Perkembangan teknologi maklumat dengan penggunaan media sosial seperti Youtube, Twitter dan Facebook mewujudkan suasana baharu dalam dunia politik. Mengikut kajian-kajian lepas, golongan belia kurang berminat dengan politik. Dengan adanya internet khususnya media sosial, ia memberi peluang kepada golongan belia terutamanya pelajar untuk berpolitik. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap penggunaan media sosial untuk aktiviti politik dalam kalangan belia. Kajian ini dilakukan dengan mengumpul data primer dengan menggunakan borang kaji selidik yang diagihkan kepada 170 orang responden yang merupakan pelajar tahun tiga di Universiti Malaysia Terengganu. Kajian mendapati kesedaran politik dalam kalangan pelajar masih rendah walaupun terdedah kepada media sosial. Analisis korelasi Pearson menunjukkan hubungan yang signifikan antara motif penggunaan media sosial dengan penyertaan responden di luar talian dan dalam talian. Walau bagaimanapun, hubungannya lemah, menunjukkan kesedaran politik dalam kalangan pelajar masih rendah. Manakala analisis ujian t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dan penyertaan politik, serta penyertaan politik interpersonal dan belia dengan menggunakan media sosial.

ABSTRACT

The development of information technology with the use of social media such as Youtube. Twitter and Facebook create a new atmosphere in the political world. According to previous studies, the youth are less interested in politics. With the presence of the internet especially social media, it provides opportunities for youths especially students to engage in politics. Therefore, this study aims to find out the level of social media use for political activities among

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

youths. This study was done by collecting primary data by using a survey form to 170 respondents who are third year students at Universiti Malaysia Terengganu. Studies have found that political awareness among students is still low although they are exposed to social media. Pearson correlation analysis shows significant relationship between social media usage motives with respondents' participation offline and online. However, the link is weak, indicating that political awareness among students is still low. While t test analysis shows that there is a significant difference between gender and political participation, as well as interpersonal and youth political participation by using social media.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini adalah salah satu daripada kajian yang telah menyiasat berkenaan penggunaan media sosial dan penglibatan politik dalam kalangan belia iaitu mahasiswa.

1. Pengenalan

Belia didefinisikan sebagai mereka yang berumur antara 15 hingga 40 tahun. Walau bagaimanapun, menurut Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (n.d.), belia adalah mereka yang berumur 18 hingga 25 tahun bersesuaian dari segi strategi perlaksanaan program, orientasi aktiviti serta kemampuan mereka. Oleh sebab itu, belia dikelaskan sebagai sumber manusia yang produktif yang berpotensi untuk meneruskan kesinambungan perkembangan negara, khususnya dalam mencapai matlamat untuk menjadikan Malaysia sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Untuk maju ke hadapan, negara harus memastikan modal insan iaitu belia menyediakan diri untuk menggalas tanggungjawab sebagai peneraju tampuk kepimpinan negara demi memastikan sahsiah diri belia dapat dibangunkan dengan sempurna (Zubir, 2015).

Penglibatan belia adalah penting sebagai pemacu dalam pembangunan ekonomi negara. Mereka adalah golongan yang berpotensi dalam memberikan sumbangan positif yang bukan sahaja kepada diri mereka sendiri, malah juga kepada keluarga dan masyarakat (Suandi et al., 2008). Walaupun begitu, sumbangan belia juga diperlukan dalam politik pada hari ini. Keterlibatan mereka dalam politik akan membolehkan mereka terdedah kepada kemahiran pengurusan dan kepimpinan (Gill et al., 2012).

Penglibatan belia dalam politik semakin menjadi bualan, bukan sahaja dalam negara Malaysia, tetapi juga di negara-negara luar. Kekurangan penglibatan belia dalam politik dan pilihan raya disebabkan mereka kurang jelas terhadap kepentingan politik akan memberi kesan kepada perkembangan politik itu sendiri (Gill et al., 2012). Beberapa tahun kebelakangan ini, aktiviti politik melalui media baru juga diambil kira sebagai sebahagian daripada penglibatan politik (Razali et al., 2016). Kemodenan era dan kecanggihan dalam teknologi pada hari ini menuntut setiap masyarakat amnya dan golongan belia khususnya untuk memiliki telefon pintar atau gajet sebagai keperluan dalam setiap perkara. Seiring dengan itu, bilangan penggunaan media sosial juga meningkat kerana akses kepada perkara tersebut sangat mudah untuk dicapai dengan adanya capaian internet. Statistik penggunaan media sosial menunjukkan seramai 17 juta pengguna menggunakan media sosial dalam kehidupan seharian mereka, dengan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

penggunaan media sosial yang paling aktif adalah whatsapp iaitu sebanyak 38%, dan diikuti Facebook sebanyak 32% (Kemp, 2015).

Berbeza dengan waktu dahulu, media sosial kini menjadi medium utama dalam penyebaran maklumat, penyampaian berita, dan kadang kala dianggap sebagai rujukan yang tepat untuk kesahihan sesuatu perkara. Berabad yang lalu menunjukkan penyampaian maklumat penting kepada rakyat adalah melalui akhbar dan radio. Oleh itu, pendedahan kepada hal-hal berkaitan politik adalah tidak secara menyeluruh kerana hanya segelintir golongan sahaja yang mempunyai akses kepada kemudahan tersebut.

Era politik pada zaman ini tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada akhbar harian untuk menyampaikan apa-apa maklumat berkaitan politik semasa, baik di dalam ataupun luar negara. Hal ini kerana adanya media sosial yang merangkumi media cetak seperti akhbar online, dan media elektronik seperti siaran langsung rancangan televisyen di facebook. Sumber-sumber seperti ini menjadi alternatif khususnya kepada golongan belia untuk terdedah kepada berita semasa kerana ianya efisien dan hanya memerlukan telefon pintar atau gajet sahaja untuk mengakses maklumat yang dikehendaki, pada masa yang sama, mereka tidak lagi perlu membeli akhbar atau majalah.

Penggunaan internet sebagai sumber maklumat merupakan fenomena global yang meluas, tanpa sempadan, menembusi pelbagai bidang dan dianggap sebagai satu 'media' baru dalam kalangan rakyat terutamanya generasi muda (Besar et al., 2011). Oleh sebab itu, media sosial pada hari ini dikatakan telah menggantikan sumber-sumber maklumat yang lama seperti akhbar, radio dan televisyen.

Walau bagaimanapun, apabila menyentuh soal politik, belia hari ini seakan tidak berminat tentangnya. Hal ini membimbangkan dan perlu diambil serius kerana golongan belia inilah yang akan mentadbir negara kelak. Tidak dinafikan terdapat banyak laporan yang mengatakan media sosial adalah satu faktor yang menjadi punca kepada berlakunya masalah sosial dalam negara. Namun, media sosial juga berupaya menjadi medium untuk golongan belia ini sedar akan kepentingan politik dalam negara mereka. Kajian yang dijalankan ini adalah berkenaan dengan penyertaan politik belia dengan menggunakan media sosial, khususnya dalam kalangan mahasiswa Universiti Malaysia Terengganu.

1.1. Hipotesis Kajian

H_A: Terdapat hubungan yang signifikan antara motif penggunaan media sosial dengan penyertaan politik belia dengan menggunakan media sosial.

H_O: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motif penggunaan media sosial dengan penyertaan politik belia dengan menggunakan media sosial.

H_A: Terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan media sosial untuk aktiviti politik dengan penyertaan politik belia dengan menggunakan media sosial.

H_O: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan media sosial untuk aktiviti politik dengan penyertaan politik belia dengan menggunakan media sosial.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

H_A: Terdapat hubungan yang signifikan antara perbezaan pelajar berdasarkan jantina dan kaum dengan penyertaan politik belia dengan menggunakan media sosial.

H_0: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara perbezaan pelajar berdasarkan jantina dan kaum dengan penyertaan politik belia dengan menggunakan media sosial.

2. Sorotan Literatur

Penglibatan atau penyertaan politik dimaksudkan sebagai aktiviti yang bersifat politik di mana rakyat mencuba untuk melaksanakan sesuatu usaha bagi mempengaruhi segala proses dalam pembuatan polisi oleh kerajaan yang memerintah (Taib & Yaakop, 2017). Kajian mengenai penyertaan politik belia dengan menggunakan media sudah banyak dilakukan, namun fokus dalam kajian adalah berbeza. Sebagai contoh, satu kajian daripada Ahmad dan Salman (2015) mengenai partisipasi politik belia secara 'online' melalui ruang demokrasi maklumat baru, kajian ini dijalankan di Kajang dan Bangi. Tujuan kajiannya adalah untuk melihat hubungan demokrasi maklumat melalui ruang media baru dengan penyertaan secara online dan offline dalam kalangan belia bandar. Hasil kajian ini menunjukkan belia aktif dalam penyertaan politik dan media baru adalah sebagai ruang demokrasi maklumat. Manakala, kajian lain yang dibuat oleh Besar dan Jali (2015) adalah mengenai pengaruh media terhadap pilihan parti politik dalam kalangan mahasiswa, kajian ini dijalankan di universiti awam di Lembah Klang. Secara umum, tujuan kajiannya adalah untuk mengetahui pengaruh geopolitik popular iaitu muzik, filem dan karikatur terhadap pilihan parti politik dalam kalangan pelajar. Hasil kajiannya menunjukkan medium penyampaian maklumat politik yang dominan adalah filem.

Terdapat banyak kajian mengenai penggunaan media, tetapi kajian tersebut lebih memfokuskan kepada media massa seperti media cetak dan media elektronik. Maka, kajian ini dibuat berfokuskan kepada media sosial untuk melihat penggunaannya dari aspek politik yang melibatkan golongan belia khususnya mahasiswa.

2.1. Penggunaan media sosial dalam kalangan belia

Dewan Bahasa dan Pustaka (2011) mendefinisikan belia sebagai orang yang masih muda, pemuda, dan merupakan golongan yang muda secara keseluruhan tidak kira sama ada lelaki atau perempuan. Konsep belia adalah berbeza antara negara. Sebagai contoh, kategori umur belia di Bangladesh adalah dalam lingkungan 15 hingga 30 tahun, di Brunei Darussalam adalah 15 hingga 35 tahun, di Hong Kong adalah 10 hingga 24 tahun, manakala di Sri Lanka adalah 15 hingga 29 tahun. Walaupun begitu, terdapat juga beberapa negara yang mengguna pakai konsep yang sama menurut Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sebagaimana diperkatakan oleh Jeffrey (1990), kategori belia adalah mereka yang berumur 15 hingga 25 tahun (Hussain & Yasin, 2017). Walaupun kajian ini lebih tertumpu kepada mahasiswa, konsep belia yang sama juga digunakan kerana mahasiswa tahun tiga ijazah sarjana muda adalah tergolong dalam lingkungan umur tersebut.

Awal pengenalan media sosial, fungsinya adalah sebagai alat yang menghubungkan seseorang individu dengan individu yang lain, kemudiannya telah dipertingkatkan dengan penambahan ciri-ciri seperti ruangan sembang, kemaskini status, menghantar mesej dan menghasilkan gambar animasi (Mahmud & Omar, 2013). Media sosial pada masa kini turut dilengkapi dengan ciri-ciri terbaru seperti panggilan suara, panggilan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

video dan juga siaran langsung yang tidak lagi memerlukan caj panggilan. Media sosial khususnya facebook dikatakan sebagai laman paling popular terutamanya dalam kalangan belia dan pelajar universiti kerana penggunaan medium komunikasi tersebut dapat membuat pengguna berasa hebat berteman, menghiburkan dan ia juga membantu mereka untuk mencari maklumat (Mahmud & Omar, 2013).

Kemajuan dan kecanggihan internet dan telefon pintar menyumbang dalam perkembangan media sosial. Pada masa kini, akses kepada Facebook atau media sosial yang lain boleh dilakukan pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Kemampuan untuk mengakses media sosial menggunakan aplikasi mudah alih seperti telefon pintar mendorong kepada kejayaan media sosial (Destiana et al., 2013). Menurut Destiana et al. (2013), sumber mencatatkan lima media sosial teratas di dunia iaitu Facebook dan diikuti oleh Twitter, LinkedIn, Google+ dan Pinterest. Facebook yang diasaskan oleh Mark Zuckerberg pada awalnya adalah sebagai medium untuk berkomunikasi dan berkongsi maklumat kini mencapai 750 juta pengguna. Manakala Twitter yang diasaskan oleh Jack Dorsey pada tahun 2006 kini mempunyai 200 juta pengguna aktif.

Destiana et al. (2013) mengatakan kehadiran media sosial telah membawa kepada perubahan ke arah penyertaan masyarakat secara online. Malah satu kajian yang dibuat oleh Salman dan Rahim (2015) mengatakan penyertaan masyarakat bukan hanya terjadi di dunia nyata tetapi juga di dunia maya. Media sosial juga memberi kesan kepada penglibatan masyarakat dalam isu semasa. Pada tahun 2014, satu kajian telah dibuat oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) (2014) menunjukkan, secara purata rakyat Malaysia menggunakan tiga jam sehari untuk melayari media sosial. Menurut Laporan Prestasi Industri 2013, terdapat 19.2 juta pengguna internet di Malaysia dan 64% daripada jumlah populasi Malaysia adalah pengguna media sosial (Mustafa, 2014).

Pencetus lonjakan kepada penggunaan internet berlaku selepas kerajaan Malaysia memperkenalkan inisiatif Pakej Komunikasi Belia di bawah Inisiatif Jalur Lebar Negara pada tahun 2012. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) (2011) mengatakan pada tahun 2011, pengguna telefon di Malaysia adalah 36 juta orang dan berlaku peningkatan dalam bilangan pengguna pada tahun 2014 iaitu seramai 45 juta orang. Ini menunjukkan kejayaan inisiatif kerajaan dalam meningkatkan pengguna telefon sebanyak 25% (Farhan, 2015).

Pada tahun 2017, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) (2017) menunjukkan statistik pengguna internet di Malaysia adalah seramai 24.5 juta dengan penggunaan internet melalui telefon pintar sebanyak 89.4% iaitu 21.9 juta orang. Selebihnya adalah mereka yang menggunakan internet melalui medium yang lain seperti laptop, desktop dan sebagainya (Metro, 2017). Sebanyak 97.3% pengguna internet di Malaysia iaitu 23.8 juta orang menggunakan akaun facebook dan diikuti dengan pengguna akaun instagram iaitu sebanyak 56.1% bersamaan 13.74 juta orang. Menurut Baharom (2017), purata golongan belia di negara ini menghabiskan masa melayari media sosial adalah selama empat jam sehari berbanding dengan masyarakat dunia kini iaitu dua jam sehari. Golongan berkenaan yang berusia 15 hingga 40 tahun merupakan 77% daripada lebih 24 juta pengguna internet di negara ini.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

2.2. Penggunaan media sosial untuk aktiviti politik dalam kalangan belia

Belia merupakan golongan penting dalam kelompok masyarakat kerana mereka merupakan pelapis pemimpin dan peneraju negara (Razali et al., 2016). Maka, kesedaran dalam diri belia ini perlu ditingkatkan sebagai pewaris negara pada masa hadapan bagi memastikan agenda pembangunan negara dapat dilakukan secara berterusan. Kemajuan dalam teknologi serta kemudahan untuk melayari media sosial pada masa kini dapat membantu golongan belia untuk mengakses dan mendapatkan maklumat bagi menambah pengetahuan mereka, termasuklah hal-hal yang berkaitan dengan politik.

Politik adalah merupakan salah satu perkara penting dalam sesebuah negara yang mengamalkan demokrasi seperti Malaysia. Pendedahan mengenai politik kepada golongan mahasiswa amat penting bagi memastikan mereka ambil peduli dan cakna akan perkara yang berlaku dalam negara sendiri kerana golongan ini yang akan mentadbir dan memerintah negara kelak. Theory of Citizenship Education oleh Benard Crick mengatakan rakyat perlu mempunyai peluang pendidikan politik supaya menjadi warganegara yang baik dalam sesebuah negara (Shaari et al., 2017). Oleh sebab itu, pada tahun 2007, Kementerian Pendidikan telah mewajibkan semua universiti awam dan swasta menjadikan modul Hubungan Etnik sebagai subjek wajib diambil oleh semua pelajar. Usaha ini adalah bagi memberikan pendidikan politik kepada pelajar (Shaari et al., 2017).

Pendidikan awal yang diberikan menunjukkan kepentingan politik kepada golongan pelajar, belia dan juga kepada negara itu sendiri. Dalam dunia pendidikan, media sosial juga bermanfaat untuk meningkatkan kemampuan pengguna untuk beradaptasi dan bersosialisasi sesama pengguna yang lain (Dewi & Gani, 2013). Kajian oleh Sivamurugan (2014) membuktikan bahawa media arus perdana telah menjadi kurang penting kepada mahasiswa berbanding dengan media alternatif seperti media sosial untuk memperoleh sumber maklumat politik (Mamat et al., 2015). Perkembangan politik Malaysia yang semakin mencabar menuntut golongan belia untuk melibatkan diri mereka dalam bidang politik (Razali et al., 2016).

Penglibatan dalam politik didefinisikan oleh Munroe (2002) sebagai sejauh mana rakyat menggunakan hak mereka untuk mempengaruhi atau melibatkan diri dalam aktiviti politik, di mana penglibatan tersebut tidak hanya terhad kepada mengundi, tetapi ia adalah penglibatan secara keseluruhan (Razali et al., 2016). Menurut Ahmad dan Salman (2015), ruang demokrasi maklumat khususnya menerusi media baru telah meningkatkan amalan partisipasi dalam kalangan pengguna terutamanya golongan belia. Definisi partisipasi politik berdasarkan kajian Holt et al. (2013) menyatakan bahawa partisipasi merujuk kepada komponen tingkah laku dalam penglibatan politik sebagai aktiviti yang mempunyai tujuan dan memberi kesan dalam mempengaruhi tindakan kerajaan (Ahmad & Salman, 2015).

Dalam konteks politik, media sosial berperanan sebagai alat kuasa yang paling berpengaruh yang menyediakan ruang umum kepada rakyat untuk menzahirkan penyertaan politik mereka secara bebas tanpa sebarang tekanan (Razak, 2015). Penggunaan media sosial sangat sinonim dengan kesedaran berpolitik terutamanya apabila bermula era reformasi (Taib & Yaakop, 2017). Aplikasi ruang siber melalui peranan media alternatif seperti blog, laman web, forum siber, youtube, email, facebook

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

dan twitter dapat memperluas dan meningkatkan partisipasi dan mobilisasi sosial, politik dan demokrasi (Besar et al., 2011).

Pada hari ini, penyertaan politik mempunyai keupayaan dalam menyuarakan pendapat politik secara online dan juga offline. Perkara ini dikatakan oleh Towner (2013) dan menurutnya lagi, partisipasi secara online adalah dengan menghantar e-mel politik, posting komen politik di blog dan mengikuti perkembangan ahli politik di media sosial (Ahmad & Salman, 2015). Skoric dan Poor (2013) pula mengembangkan lagi bentuk partisipasi politik secara online dengan melihat kepada aktiviti politik seperti memberi komen dalam diskusi kumpulan secara online mengenai politik atau hubungan awam, membaca blog, menghantar emel, melayari laman web kerajaan atau institusi pentadbiran awam dan menandatangani petisyen secara online (Ahmad & Salman, 2015).

Partisipasi belia mula mendapat pengiktirafan sejak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengisytiharkan 1985 sebagai Tahun Antarabangsa untuk Belia di mana partisipasi menjadi temanya (Utusan, 2009). Dr. Noor Sulastry Yurni Ahmad mengatakan golongan belia di Malaysia lebih cenderung kepada isu berkaitan politik berbanding hal-hal lain jika dibandingkan dengan belia di Jepun dan Korea (Utusan, 2016). Sementara itu, Datuk Ibrahim Saad selaku Ketua Pengarah Biro Tatanegara di Jabatan Perdana Menteri mengatakan pada hari ini maklumat dan berita disebarkan melalui media sosial. Oleh sebab itu, suntikan semangat patriotisme kepada golongan belia juga perlulah dilakukan menerusi media sosial (Utusan, 2016).

Media sosial memiliki banyak manfaat, salah satunya ialah sebagai media penyebaran informasi (Dewi & Gani, 2013). Penggunaan media sosial dikatakan sebagai salah satu faktor kepada kejayaan Barack Obama dalam memenangi pemilihan presiden Amerika Syarikat (Anshari, 2013). Kajian di Amerika Syarikat dan United Kingdom juga menunjukkan media berperanan sebagai sumber maklumat politik dan berita dalam pilihan raya (Besar & Jali, 2015). Menurut Besar et al. (2013), internet dan media sosial memainkan peranan dalam mempengaruhi perlakuan politik dalam kalangan mahasiswa. Selain keluarga dan institusi pendidikan, media bertindak sebagai agen sosialisasi yang sangat berpengaruh dalam masyarakat semasa (Syed et al., 2015). Oleh sebab itu, penganalisis politik mengatakan media sosial akan digunakan secara meluas dan sepenuhnya oleh semua parti yang bertanding pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) kerana langkah tersebut dipercayai mampu mempengaruhi pandangan pengundi. Ini adalah susulan daripada kuasa dominan media sosial dalam menyampaikan informasi (Awani, 2017).

Namun, kajian mengenai penggunaan media massa di Malaysia mendapati remaja yang berumur 21 hingga 35 tahun lebih mempercayai kredibiliti maklumat politik daripada akhbar berbanding televisyen dan internet (Idid, 2014). Lewis dan West juga mengatakan golongan belia menggunakan internet dan media kerana tidak mahu ketinggalan daripada kawan-kawan mereka (Mahmud & Omar, 2013). Walaupun begitu, kajian oleh Jali et al. (2017) menunjukkan belia di universiti menggunakan internet, laman web dan media sosial untuk mendapatkan maklumat politik terkini.

Kajian ini sekali lagi ingin mengenal pasti penggunaan media sosial dalam kalangan belia, di mana belia tersebut sememangnya berbeza jantina dan kaumnya. Konsep jantina atau gender merujuk kepada perbezaan sosial antara perempuan dan lelaki.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Konsep gender ini juga boleh membincangkan persoalan tentang penglibatan wanita dalam politik di Malaysia (Saidon et al., 2017).

Kajian berkaitan jantina dan internet di Malaysia kebanyakannya lebih tertumpu kepada perbezaan penggunaan internet antara lelaki dan perempuan. Dalam satu kajian yang dibuat oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) (2014) penggunaan internet di rumah mengikut jantina pada tahun 2014 menunjukkan peratusan lelaki adalah 56.4% manakala peratusan perempuan adalah 43.6%. Ini menunjukkan adanya perbezaan dalam penggunaan internet mengikut jantina pada tahun tersebut.

Dalam kajian oleh Rahman et al. (2016), kekerapan menggunakan internet adalah lebih tinggi dalam kalangan pelajar lelaki berbanding dengan pelajar perempuan. Selain itu, penggunaan internet dalam kalangan pelajar lelaki adalah bertujuan untuk mendapatkan berita tentang isu semasa, berita politik, memeriksa kesahihan sesuatu fakta, bermain permainan dalam talian, serta menyertai perbincangan dalam talian seperti forum. Berbeza dengan pelajar perempuan, pelajar perempuan menggunakan internet untuk mencari maklumat tentang agama dan kesihatan, serta mencari maklumat tentang topik berkepentingan peribadi. Dari segi penggunaan media sosial, pelajar perempuan lebih kerap menggunakan internet untuk melayari Facebook (Rahman et al., 2016). Kajian oleh Rahman et al. (2016) ini mendapati peranan jantina atau gender mempengaruhi corak penggunaan internet.

Kajian oleh Razali et al. (2016) mengatakan bahawa jantina mempunyai hubungan yang positif dengan penglibatan politik di mana korelasi di antara dua pembolehubah tersebut dikategorikan sebagai memiliki hubungan yang kuat dengan nilai *r* nya adalah .52. Dalam kajian yang dibuat oleh Saidon et al. (2017), hasil kajiannya mendapati pemerkasaan kepimpinan wanita dalam penglibatan politik dapat memberi kesedaran bahawa wanita juga penting dalam pentadbiran dan pembuatan keputusan sebagai pengimbang gender. Hal ini menunjukkan penglibatan politik adalah penting, bukan sahaja dalam kalangan lelaki, tetapi juga dalam kalangan wanita.

Politik berasas kaum merupakan bentuk politik di Malaysia sejak merdeka yang lalu bagi memperjuangkan kepentingan dan kebajikan kaum tersebut. Perkara ini merupakan politik tolak ansur antara kaum yang dipraktikkan dalam negara yang berbilang kaum dan agama seperti Malaysia. Ideologi politik berasaskan kaum juga memainkan peranan dalam penyertaan aktiviti politik. Ini kerana, kepercayaan dan pegangan masing-masing adalah berbeza. Kajian oleh Rahim (2010) mengatakan kaum Cina mendahului kaum lain dari segi penggunaan internet iaitu sebanyak 55% bagi mendapatkan maklumat mengenai pilihan raya. Ini menunjukkan peratusan kaum lain adalah rendah dalam pencarian maklumat mengenai pilihan raya, sekali gus menunjukkan adanya perbezaan dalam kesedaran politik antara kaum di Malaysia.

2.3. Kerangka Teori

Penggunaan teori adalah penting dalam sesuatu penyelidikan yang berbentuk kuantitatif. Menurut Babbie (2001), teori mampu memberi arah kepada sesuatu penyelidikan (Omar & Sallehuddin, 2011). Teori Kegunaan dan Kepuasan (*Uses and Gratification Theory*) oleh Katz dan Blumler (1974) adalah salah satu teori yang boleh dikaitkan dengan kajian ini. Dalam teori ini, Elihu Katz menekankan apa yang dilakukan khalayak kepada media (*what people do to media*), dan bukan pada apa yang dilakukan media pada khalayak (*what media do to people*). Menurut Whiting dan Williams (2013),

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

"*uses and gratification theory is relevant to social media because of its origins in the communications literature*". Secara amnya, teori ini menerangkan bahawa manusia mencapai tahap kepuasan tertentu dalam menggunakan media bergantung kepada tujuan seseorang itu.

Rajah 1 menunjukkan kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini. Pengkaji menggunakan teori Kegunaan dan Kepuasan (*Uses and Gratification Theory*) sebagai panduan dalam perlaksanaan penyelidikan. Dalam teori ini ada menyebut, penggunaan media adalah bertujuan, di mana tujuan atau motif tersebut bergantung kepada individu itu sendiri. Oleh itu, teori ini sesuai dengan objektif pertama kajian ini iaitu menganalisis motif penggunaan media sosial dalam kalangan belia. Selain itu, teori ini juga melihat kepada aktiviti yang dilakukan oleh pengguna dalam menggunakan media. Ini adalah bersesuaian dengan objektif kedua kajian ini iaitu untuk mengenal pasti penggunaan media sosial untuk aktiviti politik dalam kalangan belia. Seterusnya, teori ini juga mengatakan kegunaan dan kepuasan dalam penggunaan media mempunyai kaitan dengan faktor psikologi iaitu seperti kepercayaan dan nilai. Oleh itu, ia sesuai dengan objektif ketiga kajian ini iaitu menjelaskan perbezaan penggunaan media sosial untuk aktiviti politik berdasarkan kaum dan jantina.

Rajah 1: Kerangka Teori



Berpandukan teori ini, pengkaji melalui kajian ini ingin menganalisis apakah motif golongan belia ini menggunakan media sosial, mengenal pasti penggunaan media sosial untuk aktiviti politik dalam kalangan belia dan menjelaskan perbezaan pelajar berdasarkan jantina dan kaum dalam penggunaan media sosial untuk aktiviti politik.

3. Metod Kajian

3.1. Pendekatan dan Reka Bentuk Kajian

Kajian ini akan menggunakan pendekatan kajian kuantitatif. Menurut Cresswell (2008), kajian kuantitatif adalah jenis penyelidikan pendidikan di mana pengkaji memutuskan apa yang hendak dikaji, bertanya soalan yang khusus, mengecilkan skop soalan, mengumpul data yang boleh dikuantitatifkan oleh peserta, menganalisa nombor-nombor tersebut menggunakan statistik dan menjalankan inkuiri dalam bentuk objektif dan tidak bias. Maka dengan itu, pendekatan ini adalah sesuai memandangkan kajian ini mempunyai tiga (3) objektif iaitu menganalisis motif penggunaan media sosial dalam kalangan belia, mengenal pasti penggunaan media sosial untuk aktiviti politik dalam kalangan belia, dan menjelaskan perbezaan pelajar berdasarkan jantina dan kaum dalam

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

penggunaan media sosial untuk aktiviti politik. Pendekatan kuantitatif sesuai untuk digunakan bagi mencapai objektif kajian ini.

Kajian ini akan menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Menurut Idid (1998), reka bentuk kajian tinjauan merupakan satu kaedah yang dijalankan untuk mengumpul data daripada satu populasi. Melalui reka bentuk ini, penyelidik tidak perlu untuk mendapatkan data daripada keseluruhan populasi (Idid, 1998). Manakala menurut Cresswell (2012), reka bentuk kajian tinjauan adalah yang digunakan oleh pengkaji untuk menghurai, membanding, dan meramal sikap, pendapat, tingkah laku dan ciri-ciri sesuatu populasi. Babbie (2001) mengatakan penggunaan kaedah tinjauan adalah salah satu cara yang dianggap terbaik dalam sesuatu kajian sains sosial kerana kaedah ini berupaya memberikan penjelasan yang tepat untuk mewakili satu populasi yang besar (Mustaffa et al., 2014). Menurut Robson (2011), pendekatan kuantitatif sesuai bagi kajian deskriptif. Oleh sebab itu, reka bentuk kajian tinjauan dapat mencapai objektif kajian ini kerana bersesuaian dengan pendekatan yang digunakan.

3.2. Lokasi, Populasi, Sampel, Saiz Sampel dan Persampelan

Kajian ini akan dilaksanakan di Kuala Nerus, Terengganu kerana sesuai dengan kumpulan sasaran yang dikehendaki oleh pengkaji. Kajian ini akan dijalankan ke atas mahasiswa kerana golongan mahasiswa adalah golongan yang menggunakan IT. Sampel kajian merangkumi ahli-ahli dari kumpulan kecil yang dipilih secara rawak dari populasi untuk mengkaji sifat atau parameter populasi (Alias, 1997). Bagi kajian ini, sampel kajian adalah mahasiswa tahun tiga ijazah sarjana muda Universiti Malaysia Terengganu. Pelajar tahun tiga dipilih kerana berdasarkan umur, mereka telah tergolong dalam golongan yang boleh mengundi.

Saiz sampel ini melibatkan 170 orang pelajar tahun tiga kursus pengurusan polisi dan sekitaran sosial. Pengkaji memilih pelajar daripada program ini kerana pelajar daripada program ini telah terdedah dengan politik. Hal ini kerana, program polisi dan sekitaran sosial banyak memberi pendedahan kepada mereka berkenaan dengan pentadbiran negara. Oleh sebab itu, pengkaji merasakan mereka agak dekat dengan politik dan peluang untuk mereka terlibat dengan politik adalah agak besar kerana pendedahan awal telah diberikan. Memandangkan kajian ini tidak mempunyai kerangka persampelan, maka kajian ini akan menggunakan persampelan jenis bukan kebarangkalian. Secara khususnya, penyelidik akan menggunakan persampelan jenis bertujuan (*purposive*). Persampelan bertujuan adalah persampelan yang meletakkan ciri-ciri kepada responden. Sesuai dengan kajian ini, responden telah dicirikan sebagai pelajar tahun tiga kursus pengurusan polisi dan sekitaran sosial di Universiti Malaysia Terengganu.

3.3. Kaedah Pengumpulan Data

Memandangkan kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif, maka kaedah pengumpulan data yang sesuai ialah kaedah yang berasaskan nombor. Dalam sains sosial, kaedah yang berasaskan nombor adalah dengan menggunakan borang soal selidik. Menurut Ghafar (1999), soal selidik adalah alat ukur yang digunakan dalam penyelidikan untuk mendapatkan maklumat yang cepat dan tepat terutamanya dalam fakta-fakta kepercayaan, perasaan dan sebagainya. Manakala menurut Idid (1998), soal selidik adalah satu alat yang penting bagi seseorang pengkaji kerana kualiti atau mutu soal selidik akan menentukan nilai penyelidikan pada keseluruhannya.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Kajian ini menggunakan borang soal selidik kerana item-item yang digunakan adalah sesuai dan mampu untuk mencapai objektif kajian. Berkenaan dengan itu, borang soal selidik kajian ini mengandungi tiga (3) bahagian. Bahagian A mengandungi maklumat latar belakang atau demografi responden. Bahagian B pula mengandungi motif penggunaan media sosial dalam kalangan responden, manakala bahagian C mengandungi item-item untuk mengenal pasti penggunaan media sosial untuk aktiviti politik dalam kalangan responden secara offline dan online. Item yang dibina menggunakan ayat pendek, ringkas, dan dapat mewakili dengan tepat konsep yang ingin diukur.

Berkaitan dengan skala pengukuran pula, bahagian A akan menggunakan skala berbentuk nominal atau ordinal. Manakala bahagian lain termasuk bahagian B dan C, skala pengukuran juga menggunakan skala nominal atau ordinal, secara khusus, skala dibentuk dalam skala likert. Namun, ia bergantung kepada kesesuaian soalan.

Untuk memastikan borang soal selidik mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi, ia akan diuji terlebih dahulu dengan melaksanakan kajian rintis dan borang soal selidik ini dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi sekiranya item-item mempunyai nilai Cronbach's Alpha lebih daripada .65.

3.3.1. Data Primer

Data primer didefinisikan sebagai data yang berasal dari sumber yang asli atau pertama (Kean Hua, 2016). Data primer adalah data mentah yang dikumpulkan oleh pengkaji sendiri iaitu melalui kaedah soal selidik (Balli & Razzaly, 2009). Proses mengumpul maklumat melibatkan data primer mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dengan andaian tidak berlaku sebarang perubahan data semasa menjalankan proses menganalisis data (Kean Hua, 2016). Bagi kajian ini, data primer diperolehi daripada borang soal selidik yang diagihkan kepada 170 orang responden tersebut.

3.3.2. Data Sekunder

Data sekunder adalah data yang telah dikumpulkan oleh pengkaji lain melibatkan bentuk tulisan seperti jurnal, buku, majalah, rekod-rekod lepas, laporan dan dokumen, internet, tesis dan surat khabar (Kean Hua, 2016). Data sekunder bagi kajian ini diperoleh daripada pembacaan rujukan yang sedia ada seperti jurnal, laporan akhbar dan laman web. Pengkaji menggunakannya kerana sumber rujukan ini adalah sahih dan kebenarannya tidak diragui.

3.4. Analisis Data

Berkaitan dengan analisis data, data akan dianalisis untuk mencapai objektif kajian. Untuk menganalisis objektif yang pertama hingga objektif ketiga, secara asasnya data akan dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif iaitu min, peratus (%), dan frekuensi (N) manakala hubungan antara variabel seperti yang ditunjukkan dalam kerangka konsep dan hubungan yang wujud dalam hipotesis kajian, ujian statistik inferens jenis korelasi akan digunakan bagi menentukan wujud atau tidak perhubungan antara variabel kajian. Ujian inferens tersebut akan digunakan bergantung pada kenormalan data dan bilangan variabel.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

4. Hasil Kajian

4.1. Demografi Responden

Berasaskan Jadual 1, ia menunjukkan maklumat demografi responden yang terlibat dengan kajian. Seramai 170 orang responden terlibat dalam penyelidikan ini. Mereka merupakan pelajar tahun tiga kursus pengurusan polisi dan sekitaran sosial di Universiti Malaysia Terengganu.

Kajian menunjukkan 17.1% responden adalah pelajar lelaki dan 82.9% responden adalah pelajar perempuan. Profil kaum responden dipecahkan kepada empat bahagian iaitu kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain. Taburan bangsa menunjukkan majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini adalah kaum Melayu dengan mencatatkan peratusan sebanyak 95.3% diikuti oleh kaum Cina (1.2%) dan India (1.2%). Pecahan peratusan kaum kepada lain-lain adalah merujuk kepada bumiputera Sabah dan Sarawak di mana masing-masing adalah 2.4% dengan bilangan dua orang pelajar adalah daripada kaum Iban, seorang daripada kaum Murut dan seorang lagi adalah daripada kaum Lunbawang.

Jadual 1: Demografi responden

Pernyataan	%
Jantina	
Lelaki	17.1
Perempuan	82.9
Kaum	
Melayu	95.3
Cina	1.2
India	1.2
Lain-lain	2.4

4.2. Motif penggunaan media sosial

Motif boleh ditakrifkan sebagai satu tujuan atau matlamat, di mana ia merupakan satu komponen penting dalam mempengaruhi tindakan seseorang individu. Berpandukan Teori Kegunaan dan Kepuasan (*Uses and Gratification Theory*) oleh Katz dan Blumler (1974), penggunaan media adalah bergantung kepada pengguna itu sendiri, di mana mereka mempunyai tanggapan bahawa media yang digunakan akan memenuhi keperluan kepuasan mereka. Menurut Mahmud dan Omar (2013), penggunaan media adalah bermotifkan *diversion* iaitu niat untuk melarikan diri daripada masalah atau rutin harian.

Hal ini dilihat sinonim dengan kajian yang dijalankan, di mana responden diuji dengan penggunaan media sosial yang bermotifkan untuk merehatkan fikiran. Jadual 2 menunjukkan 42% responden kerap menggunakan media sosial untuk merehatkan fikiran mereka, manakala 32% responden selalu menggunakan media sosial dengan tujuan untuk merehatkan fikiran, dan selebihnya 26% responden kadang-kadang menggunakan media sosial untuk merehatkan fikiran.

Begitu juga bagi membuat pembelian, 37% responden kerap menggunakan media sosial, diikuti dengan 30% responden kadang-kadang menggunakan media sosial untuk

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

membuat pembelian, manakala 26% responden selalu menggunakan media sosial untuk membuat pembelian, dan selebihnya iaitu 7% responden tidak pernah menggunakan media sosial untuk membuat pembelian. Sesuai dengan kajian oleh Ahmad dan Salman, (2015) di mana penggunaan media baru sebagai medium untuk membeli barang secara online memiliki nilai min 3.64 dan sisihan piawai 1.773.

Jadual 2: Motif penggunaan media sosial

Item	Tidak pasti (%)	Tidak pernah (%)	Kadang-kadang (%)	Kerap (%)	Selalu (%)
Merehatkan fikiran.	0	0	26	42	32
Membuat pembelian.	0	7	30	37	26
Berkongsi maklumat politik.	0	20	38	22	20
Berkongsi gambar dan video.	0	0	10	54	36
Sebagai medium komunikasi.	0	0	10	32	58
Mencari maklumat pekerjaan.	0	0	15	54	31
Menjalankan urusan perbankan.	0	10	25	42	23
Mendapatkan maklumat hiburan.	0	10	32	44	14
Mencari maklumat penyelidikan.	0	0	28	58	14
Bersosial dengan rakan-rakan.	0	0	8	40	52
Bertukar pendapat sesama rakan.	0	12	15	42	31
Berbincang mengenai pembelajaran.	0	0	16	60	24
Berbincang mengenai sesuatu tugasan kuliah.	0	0	38	42	20
Berkenalan dengan pengguna seluruh dunia.	0	34	24	20	22
Menghubungi rakan dengan lebih cepat dan senang.	0	0	18	32	50

Dalam berkongsi maklumat politik, 38% responden kadang-kadang menggunakan media sosial, 22% responden kerap menggunakan media sosial untuk berkongsi maklumat politik, diikuti dengan masing-masing 20% tidak pernah dan 20% selalu menggunakan media sosial untuk berkongsi maklumat politik.

Responden kerap menggunakan media sosial untuk berkongsi gambar dan video dengan peratusan 54%, manakala 36% responden selalu menggunakan media sosial untuk berkongsi gambar dan video dan 10% daripada responden kadang-kadang menggunakan media sosial untuk berkongsi gambar dan video. Menurut Ali (2012), penggunaan media sosial juga adalah bermotifkan untuk berkongsi gambar dan video, terutamanya bagi mereka yang memilih untuk menjadikan media sosial sebagai alternatif untuk bersosial.

Hampir separuh responden iaitu 58% daripadanya selalu menggunakan media sosial sebagai medium komunikasi diikuti dengan 32% responden kerap menggunakan media sosial sebagai medium komunikasi dan 10% responden kadang-kadang menggunakan media sosial sebagai medium komunikasi.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

54% responden kerap menggunakan media sosial bagi mencari maklumat pekerjaan, 31% responden selalu menggunakan media sosial bagi mencari maklumat pekerjaan manakala 15% responden kadang-kadang menggunakan media sosial bagi mencari maklumat pekerjaan. Sejajar dengan kajian yang dibuat oleh Ahmad dan Salman (2015) yang mendapati melalui hasil kajiannya, nilai min adalah tinggi bagi item media baru memudahkan pencarian maklumat.

Bagi menjalankan urusan perbankan, 42% daripada responden kerap menggunakan media sosial, manakala 25% responden menggunakannya secara kadang-kadang, 23% responden selalu menggunakan media sosial untuk menjalankan urusan perbankan dan 10% responden tidak pernah menggunakan media sosial untuk menjalankan urusan perbankan. Menurut Fauzi (2017), media sosial juga memudahkan kebanyakan urusniaga dan urusan perbankan kerana ianya dapat diuruskan melalui dalam talian sahaja, dan penggunaan media sosial tersebut mampu menjadi alternatif untuk menguruskan apa-apa urusan konvensional.

Kajian oleh Mahmud dan Omar (2013) yang menunjukkan hasil daripada analisis korelasi kajiannya, motif mencari maklumat hiburan mempunyai hubungan yang signifikan dengan kekerapan penggunaan media. Hal ini dilihat sejajar dengan peratusan responden yang menggunakan media sosial utnuk mendapatkan maklumat hiburan di mana Jadual 2 menunjukkan responden kerap menggunakan media sosial untuk mendapatkan maklumat hiburan dengan 44% responden diikuti dengan 32% responden kadang-kadang menggunakan media sosial untuk mendapatkan maklumat hiburan, 14% responden selalu menggunakan media sosial untuk mendapatkan maklumat hiburan dan hanya 10% responden sahaja yang tidak pernah menggunakan media sosial untuk mendapatkan maklumat hiburan.

Bagi mencari maklumat penyelidikan, 58% responden kerap menggunakan media sosial, manakala 28% responden kadang-kadang menggunakan media sosial bagi mencari maklumat penyelidikan, dan diikuti dengan 14% responden selalu menggunakan media sosial untuk mencari maklumat penyelidikan. Kesemua responden menggunakan media sosial untuk mencari maklumat penyelidikan, menunjukkan mereka menggunakan media sosial bagi memudahkan urusan pekerjaan atau pendidikan. Melihat kepada dapatan ini, ia adalah sesuai dengan hasil kajian yang didapatkan oleh Mustafa dan Hamzah (2010) yang mana menunjukkan nilai min bagi penggunaan media sosial yang bertujuan untuk memudahkan urusan pekerjaan atau pendidikan adalah 3.68 dengan sisihan piawai 1.904.

52% daripada responden selalu menggunakan media sosial untuk bersosial dengan rakan-rakan manakala 40% responden kerap menggunakan media sosial. Selebihnya iaitu 8% responden kadang-kadang menggunakan media sosial untuk bersosial dengan rakan-rakan. Majoriti responden menggunakan media sosial untuk bersosial dengan rakan-rakan. Hal ini sejajar dengan kajian yang dijalankan oleh Mustafa dan Hamzah (2010) di mana hasil kajiannya menunjukkan responden sememangnya menggunakan media sosial untuk meningkatkan integrasi dan interaksi sosial dengan mencatatkan nilai min 4.17.

42% responden kerapmenggunakan media sosial untuk bertukar pendapat sesama rakan, diikuti dengan 31% responden selalu menggunakan media sosial untuk bertukar pendapat sesama rakan, manakala 15% responden kadang-kadang menggunakan media sosial untuk bertukar pendapat sesama rakan dan 12% responden selebihnya tidak

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pernah menggunakan media sosial untuk bertukar pendapat sesama rakan. Menurut kajian oleh Omar dan Sallehuddin (2011), belia sememangnya menggunakan media sosial untuk bertukar pendapat sesama rakan.

Dalam berbincang mengenai pembelajaran, hampir majoriti iaitu 60% daripada responden kerap menggunakan media sosial, manakala 24% responden selalu menggunakan media sosial untuk berbincang mengenai pembelajaran. Selebihnya iaitu 16% responden lagi kadang-kadang menggunakan media sosial untuk berbincang mengenai pembelajaran. Begitu juga dengan penggunaan media sosial yang bermotifkan untuk berbincang mengenai sesuatu tugasan kuliah, 42% daripada responden kerap menggunakan media sosial untuk berbincang mengenai sesuatu tugasan kuliah. Manakala 38% responden selalu menggunakan media sosial untuk berbincang mengenai sesuatu tugasan kuliah dan 20% responden selebihnya kadang-kadang menggunakan media sosial untuk berbincang mengenai sesuatu tugasan kuliah. Kedua-dua item ini boleh disokong dengan kajian oleh Mustafa dan Hamzah (2010) yang menunjukkan dapatan kajiannya telah mencatatkan nilai min 3.76 bagi item memudahkan perbincangan berkumpulan melalui penggunaan media sosial.

Dalam berkenalan dengan pengguna seluruh dunia, paling tinggi responden iaitu sebanyak 34% responden tidak pernah menggunakan media sosial untuk berkenalan dengan pengguna seluruh dunia, diikuti dengan 24% responden kadang-kadang menggunakan media sosial untuk berkenalan dengan pengguna seluruh dunia, 22% responden selalu dan 20% responden kerap menggunakan media sosial untuk berkenalan dengan pengguna seluruh dunia. Hanya segelintir responden yang menggunakan media sosial untuk berkenalan dengan pengguna seluruh dunia, sesuai dengan kajian yang dijalankan oleh Ahmad dan Husin (2016) yang menganalisis motif penggunaan media sosial. Hasil kajian tersebut menunjukkan nilai min yang tinggi bagi item berkenalan dengan pengguna seluruh dunia melalui aplikasi rangkaian sosial iaitu 4.22. Ini menunjukkan adanya individu daripada golongan belia ini yang menggunakan media sosial untuk berkenalan dengan individu lain.

Hampir separuh daripada responden iaitu 50% selalu menggunakan media sosial untuk menghubungi rakan dengan lebih cepat dan senang, manakala 32% responden kerap menggunakan media sosial untuk menghubungi rakan, dan 18% selebihnya kadang-kadang menggunakan media sosial untuk menghubungi rakan dengan lebih cepat dan senang. Jika diamati, kesemua responden menggunakan media sosial untuk menghubungi rakan dengan lebih cepat dan senang. Dapatan ini juga disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Mustafa dan Hamzah (2010) yang menunjukkan respondennya juga menggunakan media sosial kerana faktor kemudahan di mana ianya mampu menjimatkan wang, masa dan juga meluaskan jaringan persahabatan.

4.3. Penggunaan media sosial untuk aktiviti politik

Bahagian ini mempamerkan hasil kajian berkaitan dengan penggunaan media sosial untuk aktiviti politik. Penggunaan tersebut diperhatikan dari aspek penyertaan offline dan penyertaan online responden. Penyertaan politik didefinisikan sebagai komponen tingkah laku dalam penglibatan politik sebagai aktiviti yang mempunyai tujuan dan memberi kesan sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam mempengaruhi tindakan kerajaan, memberi kesan dalam penggubalan atau pelaksanaan dasar awam dan mempengaruhi dalam pemilihan penggubal dasar. Penyertaan politik pada masa

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

kini mempunyai keupayaan dalam menyuarakan pendapat secara *offline* dan juga *online* (Towner, 2013).

4.3.1. Penyertaan offline

Menurut Towner (2013), penyertaan secara offline adalah termasuk aktiviti seperti menghadiri perhimpunan, menderma kepada calon yang bertanding, bercakap mengenai isu atau parti politik dan sebagainya. Menurut Holt et al. (2013), penyertaan politik secara offline adalah bergantung kepada indeks pembolehubah penyertaan yang diukur dalam kajian lepas, iaitu diukur dengan melihat sejauh mana mereka yang terlibat dalam aktiviti politik semasa kempen pilihanraya, termasuklah menghadiri mesyuarat politik, menghubungi ahli politik dan berkempen.

Berdasarkan Rajah 2, ia menunjukkan penyertaan offline responden dalam aktiviti politik dengan menyertai sesi dialog. Majoriti responden iaitu 74.7% responden tidak pernah menyertai sesi dialog, manakala 25.3% responden selalu menyertai sesi dialog sebagai penyertaan offline untuk aktiviti potitik. Dapat disimpulkan disini bahawa penyertaan belia dalam sesi dialog adalah pada tahap yang rendah. Sejajar dengan kajian yang dibuat oleh Mamat et al. (2015) yang mendapati peratusan mahasiswa yang berada pada tahap tinggi dalam menghadiri aktiviti anjuran parti politik adalah hanya 3.4% berbanding tahap sederhana 22.9% dan tahap rendah sebanyak 73.7%. Hal ini sedikit berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Razali et al. (2016) di mana hasil kajiannya menunjukkan 43% respondennya kerap menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh parti politik dan mengkategorikan peratusan tersebut kepada penglibatan politik belia secara sederhana.

Rajah 2: Menyertai sesi dialog



Rajah 3 menunjukkan penyertaan responden secara offline dalam aktiviti politik dengan mendaftar sebagai pemilih undi. Dapat disimpulkan disini bahawa penyertaan belia mendaftar sebagai pemilih undi adalah pada tahap yang sederhana dengan 67.1% responden kadang-kadang mendaftar sebagai pemilih undi manakala 32.9% responden tidak pernah mendaftar. Kajian oleh Mamat et al. (2015) juga telah mencatatkan sebanyak 49.4% respondennya tidak mendaftar sebagai pemilih undi. Penglibatan politik ini selari dengan kebanyakan kajian yang telah dijalankan sebelum ini, di mana mendaftar sebagai pemilih undi dan mengundi dalam sesuatu pilihan raya adalah salah

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

satu bentuk penglibatan politik yang kerap disertai oleh responden (Moten, 2013; Wan Asna et al., 2011).

Rajah 3: Mendaftar sebagai pemilih undi



Rajah 4 menunjukkan penyertaan responden dengan menghadiri demonstrasi politik. Majoriti responden iaitu sebanyak 77.6% tidak pernah menghadiri demonstrasi politik. Selebihnya, 22.4% responden kadang-kadang menghadiri demonstrasi politik sebagai penyertaan offline dalam aktiviti politik. Jika dilihat kajian oleh Mamat et al. (2015), dapatan kajiannya juga mendapati penyertaan responden daripada golongan mahasiswa adalah pada tahap yang rendah di mana sebanyak 73.7% respondennya berada pada tahap yang rendah dalam menghadiri aktiviti anjuran parti politik.

Rajah 4: Menghadiri demonstrasi politik



Rajah 5 menunjukkan peratusan responden yang menandatangani petisyen secara offline. Majoriti responden iaitu sebanyak 76.5% tidak pernah menandatangani petisyen secara offline, manakala 23.5% responden selebihnya menandatangani petisyen secara offline kadang-kadang sahaja. Ini disokong dengan nilai min yang rendah yang dicatatkan oleh kajian yang dijalankan Ahmad dan Salman (2015) menunjukkan responden menandatangani petisyen secara offline dengan nilai min sebanyak 2.56 dengan sisihan piawai 2.006.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Rajah 5: Menandatangani petisyen secara offline



Rajah 6 menunjukkan penyertaan responden secara offline dalam aktiviti politik dengan membaca akhbar berkenaan isu politik. 47.6% responden kadang-kadang membaca akhbar berkenaan isu politik, diikuti 32.4% responden kerap membaca akhbar berkenaan isu politik. Sementara itu, 12.4% responden tidak pernah membaca akhbar berkenaan isu politik, dan 7.6% responden selebihnya selalu membaca akhbar berkenaan isu politik. Jika dijumlahkan, 87.6% responden ada membaca akhbar berkenaan isu politik sebagai penyertaan offline dalam aktiviti politik. Berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Ahmad dan Salman (2015) di mana hasil kajiannya menunjukkan bentuk penggunaan media baru iaitu dengan membaca akhbar online untuk mendapatkan berita politik semasa memiliki skor yang tinggi dengan mencatatkan nilai min 5.42 dengan sisihan piawai 1.372.

Rajah 6: Membaca akhbar berkenaan isu politik



Rajah 7 menunjukkan penyertaan offline responden dalam aktiviti politik dengan menghadiri forum perbincangan politik. Sebanyak 48.8% responden tidak pernah menghadiri forum perbincangan politik, diikuti dengan 32.4% responden kadang-kadang menghadiri forum perbincangan politik. Manakala 18.8% responden selebihnya kerap menghadiri forum perbincangan politik. Dapat disimpulkan bahawa responden ada terlibat dalam forum perbincangan politik dan ini disokong oleh kajian Ahmad dan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Salman (2015) yang menunjukkan nilai min bagi responden menghadiri forum perbincangan politik iaitu 2.87 serta sisihan piawai 2.132.

Rajah 7: Menghadiri forum perbincangan politik



Rajah 8 menunjukkan peratusan responden yang menyertai organisasi politik sebagai ahli. Majoriti responden iaitu 82.4% tidak pernah menyertai organisasi politik sebagai ahli, manakala 17.6% responden kadang-kadang menyertai organisasi politik sebagai ahli. Sesuai dengan kajian yang dilakukan oleh Ahmad dan Salman (2015) yang melihat kepada bentuk penyertaan politik secara offline menunjukkan penyertaan dalam organisasi politik sebagai ahli mencatatkan nilai min 2.99 dengan sisihan piawai adalah 2.312.

Rajah 8: Menyertai organisasi politik sebagai ahli



Rajah 9 menunjukkan penyertaan responden secara offline dalam aktiviti politik dengan aktif berkempen untuk organisasi politik. Majoriti responden iaitu sebanyak 88.2% tidak pernah aktif berkempen untuk organisasi politik, manakala 11.8% responden selebihnya aktif berkempen untuk organisasi politik secara kadang-kadang. Menurut kajian oleh Razali et al. (2016), respondennya kerap terlibat dalam berkempen untuk parti politik dengan peratusan sebanyak 39%.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Rajah 9: Aktif berkempen untuk organisasi politik



Rajah 10 menunjukkan majoriti responden tidak pernah menderma untuk perkara berorientasikan politik iaitu sebanyak 81.8%, manakala 14.7% responden menderma kadang-kadang untuk perkara berorientasikan politik, dan 3.5% responden selebihnya kerap menderma untuk perkara berorientasikan politik. Kajian yang dijalankan oleh Ahmad dan Salman (2015) menunjukkan nilai min yang rendah dalam penyertaan politik offline melalui menderma untuk perkara yang berorientasikan politik. Nilai tersebut adalah 2.40 dengan sisihan piawai 1.759.

Rajah 10: Menderma untuk perkara berorientasikan politik



Rajah 11 menunjukkan penyertaan responden dengan menyertai sukarelawan yang berorientasikan politik. Majoriti responden tidak pernah menyertai sukarelawan yang berorientasikan politik iaitu dengan peratusan sebanyak 78.8% dan diikuti dengan 21.2% responden yang selebihnya yang menyertai sukarelawan yang berorientasikan politik secara kadang-kadang. Kajian yang dijalankan oleh Ahmad dan Salman (2015) menunjukkan penyertaan politik secara offline iaitu dengan menyertai sukarelawan yang berorientasikan politik mendapat nilai min 2.85 dengan sisihan piawai 2.073.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Rajah 11: Menyertai sukarelawan yang berorientasikan politik



Rajah 12 di bawah menunjukkan peratusan responden yang membuat keputusan untuk mengundi calon berdasarkan akhbar. Sebanyak 43.5% responden tidak pernah membuat keputusan untuk mengundi calon berdasarkan akhbar, 25.9% responden membuat keputusan secara kadang-kadang, 17.1% responden kerap, dan 13.5% responden tidak pasti dalam membuat keputusan untuk mengundi calon berdasarkan akhbar. Kajian yang dilakukan oleh Razali et al. (2016) mengatakan faktor penglibatan dalam politik terutamanya kalangan belia ini adalah disebabkan oleh pengaruh media sosial menyebabkan mereka lebih terdedah dengan akses kepada internet. Melihat kepada peratusan responden yang tidak pernah membuat keputusan untuk mengundi calon berdasarkan akhbar iaitu 43.5%, menunjukkan masih terdapat golongan belia yang terpengaruh berdasarkan akhbar tetapi peratusannya adalah sedikit sahaja.

Rajah 12: Membuat keputusan untuk mengundi calon berdasarkan akhbar



Berdasarkan Rajah 13, ia menunjukkan penyertaan offline responden dalam aktiviti politik dengan membuat keputusan untuk mengundi calon berdasarkan pengaruh keluarga dan rakan. 36.5% responden kadang-kadang membuat keputusan untuk mengundi calon berdasarkan pengaruh keluarga dan rakan, diikuti 24.7% responden tidak pernah. Manakala 20.6% responden kerap membuat keputusan berdasarkan

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pengaruh keluarga dan rakan, dan 9.4% responden selalu membuat keputusan berdasarkan pengaruh keluarga dan rakan. Selebihnya iaitu 8.8% responden tidak pasti. Menurut Razali et al. (2016), 40% bersetuju bahawa faktor keluarga menyumbang dalam penglibatan politik belia, manakala 34% bersetuju dengan penyataan rakan juga adalah faktor yang mempengaruhi penglibatan politik belia.

Rajah 13: Membuat keputusan untuk mengundi calon berdasarkan pengaruh keluarga dan rakan



4.3.2. Penyertaan online

Menurut Towner (2013), penyertaan politik secara online adalah dengan menghantar emel politik, mengikuti perkembangan politik di media sosial dan mengutarakan pendapat politik di ruang komen. Kajian oleh Ahmad dan Salman (2015) mendapati penggunaan media dalam talian adalah yang paling kerap berbanding dengan bentuk media yang lain, dan mengatakan responden lebih gemar menggunakan media atas talian untuk menyampaikan pendapat seperti menyertai kumpulan perbincangan yang mengupas isu-isu semasa di media sosial.

Jadual 3 menunjukkan penyertaan online responden dalam penggunaan media sosial untuk aktiviti politik. Penyertaan responden secara online iaitu secara menonton klip video politik di Youtube, membaca artikel online berkenaan isu politik, mengikuti perkembangan pemimpin di Twitter, membaca blog untuk mencari maklumat politik, mencari maklumat mengenai politik di media sosial, berinteraksi dengan rakan online mengenai isu politik, dan mengikuti akaun/halaman (page) politik di media sosial adalah dibuat secara kadang-kadang oleh responden dengan min skala 2.7 hingga 3.4. Melihat kepada kajian yang dilakukan oleh Ahmad dan Salman (2015), penyertaan politik secara online dalam kajiannya iaitu melalui menonton klip video di Youtube juga mendapat nilai min yang tinggi iaitu 3.77 dengan sisihan piawai 1.993. Ini sejajar dengan hasil kajian Jali et al. (2017) yang mendapati ramai daripada golongan belia ini menggunakan medium internet untuk mempelajari tentang penyertaan politik berbanding dengan golongan dewasa yang lebih berminat membaca akhbar harian, menonton berita, mendengar berita di radio dan sebagainya. Begitu juga dalam kajian yang dilakukan oleh Sivamurugan (2014) yang membuktikan media arus perdana

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

adalah kurang penting kepada mahasiswa jika dibandingkan dengan media alternatif seperti media sosial untuk mereka memperoleh sumber maklumat politik.

Jadual 3: Penyertaan online

Pernyataan	Min*
Menonton klip video politik di Youtube.	3.4
Menandatangani petisyen secara online.	2.0
Membaca artikel online berkenaan isu politik.	3.3
Mengikuti perkembangan pemimpin di Twitter.	3.0
Mengutarakan pendapat politik di ruang komen.	2.5
Membaca blog untuk mencari maklumat politik.	3.0
Mencari maklumat mengenai politik di media sosial.	3.2
Menyertai komunikasi atas talian bersama ahli politik.	2.3
Berinteraksi dengan rakan online mengenai isu politik.	2.7
Mengikuti akaun/halaman (page) politik di media sosial.	3.1
Menunjukkan bantahan terhadap isu politik di media sosial.	2.0
Menyertai perbincangan kumpulan mengenai politik di Facebook.	2.5

Manakala penyertaan responden secara online iaitu menandatangani petisyen secara online, mengutarakan pendapat politik di ruang komen, menyertai komunikasi atas talian bersama ahli politik, menunjukkan bantahan terhadap isu politik di media sosial, dan menyertai perbincangan kumpulan mengenai politik di Facebook adalah tidak pernah dibuat oleh responden dengan min skala antara 2.0 hingga 2.5 iaitu tidak pernah. Hal ini berbeza dengan hasil kajian Wahab dan Rahim (2013) yang mendapati responden mereka lebih gemar menggunakan media atas talian untuk menyampaikan pendapat seperti menyertai kumpulan perbincangan melalui media sosial seperti Facebook dan Twitter. Kajian oleh Razali et al. (2016) juga mendapati responden kurang gemar untuk berhubung dengan pemimpin politik berdasarkan peratusan kecil yang ditunjukkan dalam kajiannya.

4.4. Perhubungan antara motif dan penyertaan

Jadual 4 menunjukkan keputusan analisis ujian korelasi Pearson. Analisis menunjukkan wujudnya perkaitan yang signifikan ($r=.437$, $p<.05$) antara motif dan penyertaan offline, oleh itu, penyelidik menolak hipotesis nul. Justeru, penyelidik membuat keputusan bahawa terdapat perkaitan antara motif penggunaan media sosial dan penyertaan politik belia dengan menggunakan media sosial secara offline dengan perhubungannya yang lemah, iaitu $r=.437$.

Jadual 4 juga menunjukkan keputusan analisis di mana wujudnya perkaitan yang signifikan ($r=.481$, $p<.05$) antara motif dan penyertaan online. Oleh itu, penyelidik menolak hipotesis nul. Justeru, penyelidik membuat keputusan bahawa terdapat perkaitan antara motif penggunaan media sosial dan penyertaan politik belia dengan menggunakan media sosial secara online dengan perhubungannya yang lemah iaitu $r=.481$.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)

Jadual 4: Perhubungan antara motif dan penyertaan secara *offline* dan *online*

		Motif	Penyertaan offline	Penyertaan online
Motif	Pearson Correlation	1	.437**	.481**
	Sig. (2-tailed)		.000	.000
	N	170	170	170
Penyertaan offline	Pearson Correlation	.437**	1	.633**
	Sig. (2-tailed)	.000		.000
	N	170	170	170
Penyertaan online	Pearson Correlation	.481**	.633**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	
	N	170	170	170

**. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

4.5. Perhubungan jantina dan penyertaan politik

Ujian analisis data statistik inferens seperti yang diterjemahkan dalam Jadual 5 dan Jadual 6 menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dan penyertaan politik belia dengan menggunakan media sosial (t= 63.226, P= .000<.05). Oleh itu, penyelidik menolak hipotesis nul. Penyelidik membuat keputusan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina dengan penyertaan politik belia dengan menggunakan media sosial.

Jadual 5: One-Sample Statistics

	N	Min	Sisihan Piawai	Std. Error Mean
Jantina	170	1.83	.377	.029
Kaum	170	1.10	.506	.039

Jadual 6: Analisis Ujian-T

	Test Value = 0					
	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	95% Confidence Interval of the Difference	
					Lower	Upper
Jantina	63.226	169	.000	1.829	1.77	1.89
Kaum	28.335	169	.000	1.100	1.02	1.18

Begitu juga dengan kaum, terdapat perbezaan yang signifikan antara kaum dengan penyertaan politik belia dengan menggunakan media sosial (t= 28.335, P= .000<.05). Oleh itu, penyelidik menolak hipotesis nul dan membuat keputusan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara kaum dengan penyertaan politik belia dengan menggunakan media sosial.

Hasil daripada kajian yang dijalankan, pengkaji berpendapat bahawa perbincangan hasil kajian telah mencapai matlamat dan menepati objektif kajian. Pengkaji telah dapat mengenal pasti motif penggunaan media sosial dalam kalangan belia, penggunaan media sosial untuk aktiviti politik, dan seterusnya menguji hubungan antara motif penggunaan media sosial dengan penyertaan politik dalam kalangan belia secara offline dan juga online. Motif penggunaan media sosial dalam kalangan belia yang paling dominan adalah

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

media sosial sebagai medium komunikasi, menghubungi rakan dengan lebih cepat dan senang, dan bersosial dengan rakan-rakan.

Daripada hasil kajian, pengkaji mendapati penyertaan politik dalam kalangan belia dengan menggunakan media sosial adalah pada tahap yang sederhana dengan peratusan mahasiswa yang terlibat secara sederhana. Kedua-dua bentuk penyertaan iaitu sama ada secara offline mahu pun online telah mencatatkan penggunaannya secara sederhana dalam kalangan responden kajian. Namun, kajian ini membuktikan bahawa dengan adanya media sosial, ia mampu dan menyumbang dalam penyertaan politik, terutamanya dalam kalangan belia. Motif penggunaan media sosial dengan penyertaan politik pula mempunyai hubungan yang signifikan menunjukkan penggunaan media sosial untuk aktiviti politik adalah berkait dengan motif penggunaan sebelumnya walaupun hubungannya adalah lemah. Perbezaan antara jantina dan kaum dengan penyertaan politik pula menunjukkan terdapatnya perbezaan yang signifikan. Ini bermaksud, penyertaan politik dalam kalangan belia adalah berbeza mengikut jantina dan kaum, dan ini memberikan satu pengetahuan mengenai penglibatan atau minat mereka terhadap politik.

Kajian lepas mengenai penyertaan belia dalam politik menggunakan media agak terhad jika dibandingkan dengan kajian politik lain. Antara salah satunya adalah kajian mengenai partisipasi politik belia secara 'online' melalui ruang demokrasi maklumat media baru oleh Ahmad dan Salman (2015). Kajian ini memberi fokus kepada penggunaan media baru sebagai medium yang memudahkan penyebaran maklumat dan informasi yang boleh diakses tanpa sebarang sekatan. Kajian ini melihat hubungan demokrasi maklumat melalui ruang media baru dengan partisipasi politik secara online dan offline dalam kalangan belia bandar. Apa yang menariknya, kajian ini dapat membuktikan bahawa media baru disokong sebagai ruang demokrasi maklumat dan belia juga aktif dalam partisipasi politik secara online dan offline, menunjukkan penggunaan media mampu mempengaruhi penyertaan politik belia.

Melalui kajian yang dibuat, boleh dilihat bahawa pada era demokrasi ini, peranan media sosial adalah sangat penting. Pengaruh kepada belia melalui media sosial adalah sangat besar memandangkan golongan belia ini adalah pengguna media sosial terbesar di Malaysia jika dibandingkan dengan mereka daripada kumpulan umur yang lain. Penggunaan media sosial adalah sangat luas pada hari ini memandangkan negara telah melalui arus pemodenan dan sudah pun ada teknologi dan kecanggihan serta capaian untuk mengakses internet dengan mudah.

Pengkaji berharap agar kajian ini dapat membantu memberi fakta yang jelas kepada pihak kerajaan, menambah ilmu pengetahuan yang berguna, serta bermanfaat kepada golongan mahasiswa dan juga masyarakat bagi memastikan penyertaan politik dalam kalangan belia di negara ini semakin positif dan membawa kepada penambahbaikan dalam menggalakkan penyertaan golongan belia terhadap politik pada masa hadapan.

5. Kesimpulan

Dengan adanya perkembangan media sosial ini, diharap kesedaran dan penyertaan dalam politik dalam kalangan belia dapat ditingkatkan, dan masyarakat juga lebih tahu akan kebaikan penggunaan media sosial dalam aktiviti politik. Peningkatan jumlah penglibatan belia dalam pilihan raya juga diharapkan semakin positif dengan adanya capaian kepada media sosial sebagai medium untuk mereka terlibat secara langsung

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

atau tidak langsung dengan politik. Besar et al. (2015) mengatakan media ditunjukkan sebagai sumber penyampaian maklumat politik dan pilihan raya di luar negara. Dengan itu penyelidik percaya bahawa media sosial akan menjadi satu platform kepada penyertaan dalam politik di Malaysia, terutama dari kalangan belia khasnya, dan semua lapisan masyarakat amnya.

Penggunaan media sosial memberi banyak kebaikan dalam menggalakkan penyertaan golongan belia dalam aktiviti politik, namun medium tersebut juga membawa pengaruh yang tidak baik dari sudut budaya dan masyarakat. Oleh itu, kajian ini telah membantu dalam menerangkan fenomena penggunaan media sosial sebagai salah satu medium yang mampu menggalakkan penyertaan politik dalam kalangan belia dengan menggunakan media sosial.

Penyertaan golongan belia dalam aktiviti politik boleh digalakkan melalui usaha kerjasama pelbagai pihak untuk mempengaruhi golongan ini. Sebagai contoh, pihak yang terlibat boleh mengamalkan politik yang sihat supaya dapat menarik minat golongan belia ini untuk cakna akan situasi politik. Selain itu, institusi pendidikan juga boleh mengadakan program atau subjek yang memerlukan pengetahuan am tentang politik dan subjek yang memerlukan aras berfikir yang tinggi supaya golongan belia ini mempunyai minat untuk belajar dan mempunyai pengetahuan dalam politik. Bukan itu sahaja, komuniti juga berperanan dalam menggalakkan penyertaan politik dalam kalangan belia. Pihak komuniti boleh melakukan aktiviti dengan kerjasama antara kampung-kampung. Ini memerlukan satu pentadbiran atau kepimpinan yang baik di peringkat JKKK supaya aktiviti tersebut memberikan hasil yang lumayan, walaupun bukan pada masa sekarang, tetapi pada masa akan datang.

Melihat kepada situasi selepas Pilihan Raya Umum ke 14 pada Mei lalu, diharapkan golongan muda di Malaysia kini menyedari dan memberi perhatian yang lebih kepada isu-isu politik. Rangkuman pelbagai informasi dan maklumat serta dengan kadar capaian yang tinggi akan memudahkan pengguna untuk mengakses apa sahaja maklumat yang dikehendaki. Kemajuan dan kecanggihan media sosial pada hari ini, ditambah lagi dengan hubungannya dengan sumber maklumat yang lain diharapkan dapat menggalakkan golongan belia untuk menjadikannya sebagai satu medium untuk beraktiviti politik. Kajian yang lebih mendalam perlu dilakukan untuk mengenalpasti penyertaan politik dalam kalangan belia dengan menggunakan media sosial secara terperinci kerana golongan ini merupakan pelapis yang akan menerajui negara pada masa akan datang.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Penulis menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh pihak institusi Universiti Malaysia Terengganu. Semua prosedur yang dijalankan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia adalah mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan untuk mengikuti kajian ini juga telah diperoleh daripada semua peserta kajian sebelum soal selidik dijalankan.

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada peserta yang telah memberikan kerjasama yang amat baik dalam menjayakan kajian ini. Terima kasih juga diucapkan buat mereka yang memberikan sokongan moral dan tunjuk ajar dalam usaha menganalisis data yang diperoleh.

Kewangan (*Funding*)

Perbelanjaan berkenaan kajian dan penerbitan ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh penulis dan tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan daripada mana-mana pihak.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan yang cenderung kepada mana-mana pihak yang berkenaan dengan penyelidikan, pengarangan atau penerbitan kajian ini

Rujukan

Abdullah, M. R. T. (2010). Cabaran integrasi antara kaum di Malaysia: perspektif sejarah, keluarga dan pendidikan. *Jurnal Hadhari 3*, 61-84. https://journalarticle.ukm.my/284/1/1.pdf

Ahmad, A. H., & Husin, M. N. (2016). Penggunaan aplikasi rangkaian sosial dalam kalangan pelajar Politeknik Kuala Terengganu. *The Journal of Social Sciences and Humanities, 1*(1).

Ahmad, F., & Salman, A. (2015). Partisipasi politik belia secara 'online' melalui ruang demokrasi maklumat media baru (Youth Online Political Participation Through New Media Information Democracy Space). *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication, 31*(1), 81-100. https://doi.org/10.17576/jkmjc-2015-3101-05

Ali, N. A. (2012). *Laman media sosial: trend komunikasi masa kini.* Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Maktab Koperasi Malaysia. https://www.ikma.edu.my/images/dokumen/penerbitan/demensi/demensi-koop-39/39-8.pdf

Alias, B. (1997). *Statistik penyelidikan dalam pendidikan dan sains sosial.* Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Anshari, F. (2013). Komunikasi politik di era media sosial. *Jurnal Komunikasi, 8*(1), 91-101. https://doi.org/10.20885/komunikasi.vol8.iss1.art7

Awani. (2017, Oktober 29). Media sosial akan diguna secara meluas pada PRU-14-penganalisis politik. *Astro Awani.* https://www.astroawani.com/berita-politik/159189?amp=1

Babbie, E. (2001). *The practice of social research*. USA: Warsworth Thomson Learning.

Baharom, S. (2017, April 19). Belia habiskan empat jam sehari layari media sosial. *YADIM*. https://www.yadim.com.my/v2/belia-habiskan-empat-jam-sehari-layari-media-sosial/

Balli, B. B., & Razzaly, W. (2009). *Instrumen penilaian bagi pengiktirafan pengalaman pelajaran terdahulu (pppt) dalam konteks pembelajaran sepanjang hayat: transformasi pendidikan politeknik di Malaysia* [Research, Innovation, Entrepreneurship & Tourism Conference, Kolej Komuniti Malaysia].

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

https://rietc2018.weebly.com/uploads/1/2/1/7/121737767/proceedings_rietc_2018__1_.pdf

Besar, J. A., & Jali, M. F. M. (2015). Pengaruh media terhadap pilihan parti politik dalam kalangan mahasiswa universiti awam di Lembah Klang. *Jurnal Personalia Pelajar, 18*(1), 11-22.

Besar, J. A., Jali, M. F. M., Ibrahim, Y., Sidek, A. H., Amir, J., Fauzi, R., & Lyndon, N. (2012). Persepsi politik pengundi belia melayu pasca pilihan raya umum (PRU) 2008 di Malaysia. *Jurnal Melayu, 9*. http://journalarticle.ukm.my/5634/

Besar, J. A., Jali, M. F. M., Ibrahin, Y., Ismail, K., Sidek, A. H., & Awal, N. A. M. (2011). Persepsi belia terhadap isu politik dan dasar kerajaan Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies.* Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. 136-156

Besar, J. A., Jali, M. F. M., Lyndon, N., & Ali, M. (2013). Penggunaan internet dan persepsi politik mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *Malaysian Journal on Student Advancement, 16.*

Cresswell, J. W. (2008). *Educational research: planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research (3rd ed.)*. Upper Saddle River, NJ: Perason Education, Inc.

Cresswell, J. W. (2012). *Qualitative inquiry & research design: choosing among five approaches (4th ed.)*. Thousand Oaks, CA.

Destiana, I., Salma, A., & Rahim, M. H. A. (2013). Penerimaan media sosial: kajian dalam kalangan pelajar universiti di Palembang. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication, 29*(2), 125-140.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (2011, September 13). *Definisi belia*. https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=belia&d=175768&

Dewi, K. A., & Gani, F. (2013). *Pemanfaatan media social sebagai sarana penyebaran informasi studi kasus SMA Negeri 28 Jakarta dalam kaitannya dengan perpustakaan sekolah*. Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya, Universitas Indonesia.

Farhan, H. (2015, Jun 4). Penggunaan internet di Malaysia melonjak berganda tahun 2014. *Malaysian Internet Exchange.* https://www.theskop.com/

Fauzi, N. (2017). Penggunaan media sosial dalam dunia tanpa sempadan: suatu kebaikan atau keburukan? *ILKAP*. https://www.ilkap.gov.my/download/kertaspenyelidikan/PMSDDTS18122017.pdf

Ghafar, M. N. A. (1999). *Penyelidikan Pendidikan.* Penerbit UTM, Skudai, Johor Bahru.

Gill, S. S., Talib, A. T., Harun, M. R., & Rosnon, M. R. (2012). Penglibatan dan pemilihan pemimpin politik dalam kalangan belia minoriti di Semenanjung Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies,* 43-62

Holt, K., Shehata, A., Stromback, J., & Ljungberg, E. (2013). Age and effects of news media attention and social media use on political interest and participation: Do social media function as lebeller? *Europian Journal of Communication, 28*(1), 19-34. https://doi.org/10.1177/0267323112465369

Hussain, T. P. R. S., & Yasin, L. (2017). Belia dan pembudayaan semangat sukarelawan di Malaysia: suatu pemerhatian konseptual. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space, 12*(9). http://journalarticle.ukm.my/10585/

Idid, S. A. (1998). *Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Idid, S. A. (2014). *Scholarship in transformation.* Bangi: Media dan Democracy Research Group, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jali, M. F. M., Besar, J. A., Lyndon, N., & Ramachandran, V. (2017). Persepsi politik belia India di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysian (Political perception of

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Indian youths in Malaysia's public higher learning institutions). *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space, 8*(8). http://journalarticle.ukm.my/5726/

Jeffrey, K. (2008). *Youth policy: what works and what doesn't? A review of youth policy models from Canada and other jurisdictions*. United Way Toronto.

Katz, E., & Blumler, J. G. (1974). The uses of mass communications: current perspectives on gratifications research. *Sage Annual Reviews of Communication Research, 3*. https://eric.ed.gov/?id=ED119208

Kean Hua, A. (2016). Pengenalan rangkakerja metodologi dalam kajian penyelidikan: satu kajian literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 1*(2), 17-24. https://doi.org/10.47405/mjssh.v1i2.8

Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. (n.d.). *Dasar Pembangunan Belia Negara*. https://www.jpnin.gov.my/sites/default/files/Dasar%20Pembangunan%20Belia%20Negara.pdf

Kemp, S. (2015). *Digital, social and mobile worldwide in 2015.* https://www.researchgate.net/publication/301227789_Ringkasan_Statistik_Media_Sosial_Malaysia.

Mahmud, M. Z., & Omar, B. (2013). Motif dan kekerapan penggunaan facebook dalam kalangan pelajar universiti. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication, 29*(1). https://researchgate.net/profile/Bahiyah_Omar2/publication/282245778_Motif_dan_kekerapan_penggunaan_Facebook_dalam_kalangan_pelajar_universiti/links/5609036c08aea25fce3b8cb4.pdf

Mamat, M., Rahman, A. R. A., & Abdullah, A. R. (2015). Penglibatan mahasiswa melayu universiti awam dalam politik di Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 23-31

Metro. (2017, November 16). Pengguna internet meningkat 89.3%. *Harian Metro.* https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2017/11/284189/pengguna-internet-meningkat-893

Moten, A. R. (2013). Politics: an islamic perspective. *Intellectual Discourse, 1*(1). https://journals.iium.edu.my/intdiscourse/index.php/id/article/view/30

Munroe, T. (2002). *An introduction to politics: lectures for first year students*. Canoe Press University of the West Indies.

Mustafa, M. (2014, September 11). Malaysians spend five hours online daily and it is mostly on social media. *The Malaysian Insider.* https://www.theedgemarkets.com/article/malaysians-spend-five-hours-online-daily-and-it-is-mostly-on-social-media-says-report.html

Mustafa, S. E., & Hamzah, A. (2010). Media sosial: tinjauan terhadap laman jaringan sosial dalam talian tempatan. *Jurnal Pengajian Media Malaysia, 12*(2).

Mustaffa, N., Salman, A., & Er, L. H. (2014). Faktor-faktor yang mempengaruhi remaja Lembah Klang untuk terus membaca dan membeli melalui pengiklanan Facebook. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication, 30*(1), 229-250. http://journalarticle.ukm.my/7249/

Omar, F. I., & Sallehuddin, I. S. (2011, Oktober). *Media sosial: kajian tentang penglibatan dan kepuasan dalam kalangan mahasiswa* [Paper presentation]. International Conference on Media and Communication (MENTION2011). https://doi.org/10.13140/rg.2.1.4141.2005

Rahim, S. A. (2010). Media, demokrasi dan generasi muda: Analisis keputusan pilihan raya umum ke-12. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication, 26*(2). http://journalarticle.ukm.my/1902/

Rahman, H., Bakar, N. R. H. A., Selvadurai, S., & Hussain, M. Y. (2016). Pengaruh peranan gender dalam corak penggunaan internet dalam kalangan pelajar Universiti Putra

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Malaysia (Influence Of Gender Roles On Internet Usage Patterns Among Universiti Putra Malaysia Students). *E-Bangi, 13(2)*. https://ejournals.ukm.my/ebangi/article/download/15356/4785

Razak, M. A. A. (2015, November 30). Senjata paling berkuasa media sosial. *Utusan Malaysia.* https://repo.uum.edu.my/id/eprint/16459/

Razali, M., Boyman, S. N., Husin, N. I., & Nor, W. M. W. A. (2016). Penglibatan politik belia: Satu analisis penyertaan konvensional di Malaysia. *Jurnal Perspektif, 2*(8), 70-78.

Robson, C. (2011). *Real world research (3rd ed.)*. Chichester, UK: Wiley.

Saidon, N. R., Daus, S., & Samsudin, M. A. (2017). Penglibatan politik: pemerkasaan kepimpinan wanita di Malaysia (1980-2013) (Political participation: empowering women in Malaysia (1980-2013). *E-Bangi, 14*(1). https://ejournals.ukm.my/ebangi/article/download/18300/5776

Salman, A., & Rahim, S. A. (2015). New media and youth participation: towards nation building. *Journal of Social Sciences and Humanities,* 72-80. https://journalarticle.ukm.my/10256/1/072-080

Shaari, S. S., Besar, J. A., & Jali, M. F. M. (2017). Analisis keberkesanan subjek hubungan etnik sebagai pencetus literasi politik: kajian ke atas mahasiswa UNIKL MIIT (Analysis of the effectiveness of ethnic relations subject as political literacy trigger: a study of UNIKL MIIT students). *E-Bangi, 14*(6). http://ejournal.ukm.edu.my/ebangi/article/view/22210

Sivamurugan, P. (2014). University students and voting behaviour in general elections: perceptions on malaysian political parties leadership. *Asian Social Science, 10*(18). http://dx.doi.org/10.5539/ass.v10n18p225

Skoric, M. M., & Poor, N. (2013). Youth engagement in Singapore: the interplay of social and traditional media. *Journal of Broadcasting & Electronic Media, 57*(2),187-204

Suandi, T., Ahmad, N., Tamam, E., & Hamzah, A. (2018). Pembangunan belia ke arah 2057: Isu dan cabaran. *Jurnal Pembangunan Belia Malaysia,* 1-13.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2011). *Hand phone users survey 2011.* Jabatan Statistik MCMC. https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/SKMM-HANDPHONE-SURVEY-2011.pdf

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2014). *Komunikasi dan multimedia: buku maklumat statistik.* Jabatan Statistik MCMC. https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/Q1_2014C-MPocketBM.pdf

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2017). *Internet users survey 2017; statistical bried number twenty one*. Jabatan Statistik MCMC. https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/general/pdf/mcmc-internet-users-survey-2017.pdf

Syed, M. A. M., Noor, S. Y. A., & Abidin, M. Z. Z. (2015). Penggunaan kandungan media dan pembentukan idea politik dan identiti budaya baharu dalam kalangan belia melayu. *Malaysian Journal of Youth Studies,* 187-205.

Taib, R., & Yaakop, M. R. (2017). Pendemokrasian mahasiswa di institusi pengajian tinggi di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space, 13*(4). http://ejournals.ukm.my/gmjss/issue/view/1049

Towner, T. L. (2013). All political participation is socially networked?: New media and the 2012 election. *SAGE Journal, 31*(5), 527-541. https://doi.org/10.1177/0894439313489656

Utusan. (2009, Julai 1). Menyelami partisipasi politik belia. *Utusan Online.* https://www.utusan.com.my/ar-menyelami-partisipasi-politik-belia

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Utusan. (2016, Mei 29). Belia Malaysia cenderung isu politik. *Utusan Online.* https://www.utusan.com.my/ar-belia-malaysia-cenderung-isu-politik

Wahab, A. A., & Rahim, S. A. (2013). Kredibiliti media dan penyertaan dalam persekitaran pengdemokrasian maklumat di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication, 29*(1), 141-160. http://www.ukm.my/jkom

Wan Asna, W. M. N., Salfarina, A. G., Mohamad Zaini, A. B., & Zainon, H. 2011. Some Socio-Demographic Determinants of Political Participation. *International Conference on Humanities, Society and Culture, 20*, 69-73.

Whiting, A., & Williams, D. (2013). Why people use social media: a uses and gratifications approach. *Qualitative Market Research: An International Journal, 16*(4), 362-369. https://doi.org/10.1108/qmr-06-2013-0041

Zubir, S. K. M. (2015). Pembangunan sahsiah belia dan teori spb4k dalam novel Nisah Haron. *Jurnal Melayu, 14*(1). http://journalarticle.ukm.my/9061/

© 2022 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).